

# Sama-sama setaraf, perteguh bangsa Malaysia

**W**ujudnya rasa tidak puas hati terhadap peninggalan sejarah adalah hakikat dalam sesebuah gabungan atau federasi terdiri dari wilayah berbeza iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Felo Akademi Profesor Malaysia, PROFESOR EMERITUS DATUK DR ABDUL RAHMAN EMBONG berkata, ia perlu diakui bahawa tidak semua pihak akan berpuas hati mengenai setiap perkara.

Justeru, apa yang penting ialah membentuk dan memperteguh kebersamaan dengan menjadikan gabungan tiga wilayah sama-sama untung, sama-sama menang dengan syarat sama-sama berusaha menjayakannya.

Ikuti wawancara eksklusif *Sinar Ahad* bersama Abdul Rahman yang juga Penasihat Kluster Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Nasional APM dan Penasihat Khas Persatuan Sains Sosial Malaysia bagi membahaskan kepentingan memperkukuhkan bangsa Malaysia bersempena ulang tahun Hari Malaysia ke-59.



**SINAR AHAD:** Selepas 59 tahun pembentukan Malaysia, bagaimana Profesor melihat hubungan sosial antara rakyat di Semenanjung dan Sabah, Sarawak kerana sebelum ini wujud stigma dan persepsi kurang baik antara satu sama lain?

**ABDUL RAHMAN:** Dari pemerhatian saya, hubungan sosial antara rakyat di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak sebagai rakan taulan senegara tidak ada masalah besar yang memerlukan intervensi. Rakyat Sabah dan Sarawak yang bekerja di Semenanjung gembira berada di sini bercampur gaul bersama rakan-rakan senegara di sini.

Begitu juga rakan-rakan dari Semenanjung yang bekerja di Sabah atau Sarawak. Dari apa yang saya tahu, rakan-rakan yang bekerja di sana seronok dengan suasana keterbukaan dan kehangatan yang dirasakan di sana. Saya sendiri turut merasai kemesraan dan kehangatan setiap kali saya berkunjung ke Sabah atau Sarawak baik untuk bercuti atau semasa menjalankan tugas dahulu. Saya percaya sekarang pun suasananya tentu begitu juga.

Apa yang menjadi masalah ialah hubungan politik dan administratif. Isu keterpinggiran Sabah dan Sarawak daripada segi pembangunan memang menimbulkan ketidakpuasan di sana. Bayangkan sampai hari ini Sabah dan Sarawak antara dua wilayah yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi di Malaysia.

Isu lantikan pegawai dari Semenanjung untuk jawatan tertentu di sana kadang-kadang menimbulkan rasa tidak senang. Begitu juga isu imigrasi untuk rakyat dari Semenanjung masuk ke sana memang tidak menyenangkan rakyat kita di sini. Ini bukan masalah dari segi hubungan sosial.

Tapi ini satu segi. Seperti saya nyatakan, kisah-kisah mesra dan hubungan begitu erat yang mengharukan pun ada. Apa lagi sebahagian penduduk di sana pula ada hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan dan lain-lain dengan mereka dari Semenanjung.

Ringkasnya, kita perlu sikap saling mengenali, mempelajari, menghormati, menyayangi dan menerima antara satu sama lain tidak kira kita dari Semenanjung,

Sabah atau Sarawak. Perlu bersikap rendah diri, tertib dan beradab.

Pokoknya kita adalah sama sebagai insan atau makhluk ciptaan yang Maha Kuasa, apa lagi kita juga warga senegara dan sebangsa – bangsa Malaysia.

**Bagaimana pula dengan jurang bagi aspek seperti ekonomi, pendidikan, kemudahan kesihatan, liputan internet serta teknologi, pendapatan isi rumah dan sebagainya. Adakah Sabah dan Sarawak masih jauh terbelakang berbanding Semenanjung? Apa jurang paling ketara dan perlu diberi perhatian serius?**

Jurang sosioekonomi, pendapatan isi rumah, pendidikan, kesihatan, infrastruktur, internet, teknologi moden dan lain-lain memang sangat jelas. Data rasmi menunjukkan kadar kemiskinan pada tahun 2021 adalah paling tinggi di Kelantan, Sabah, Sarawak dan Perak.

Tentang kemiskinan tegar pula, Sarawak merekodkan jumlah penduduk miskin tegar tertinggi iaitu sebanyak 62,930 keluarga diikuti Kelantan sebanyak 42,131 keluarga miskin tegar, Sabah (40,938), Kedah (17,928) dan Perak (17,010) mengikut data eKasih Februari 2022.

Seperkerka yang penting kita kadang-kadang terlupa atau tidak perasan kepentingan perbezaan geografi Sabah dan Sarawak berbanding dengan Semenanjung. Pengkhususan geografi ini mesti diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan.

Infrastruktur seperti jalan raya, lebuh raya, kereta api dan lain-lain sangat penting untuk mendekatkan pelbagai daerah dan komuniti serta memacu pembangunan ekonomi, memajukan pendidikan, menyediakan kemudahan kesihatan dan lain-lain yang diperlukan rakyat. Perkara ini perlu diberi keutamaan di Sabah dan Sarawak.

Kita juga perlu ambil contoh pengurusan pendidikan sekolah masa pandemik Covid-19. Pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara atas talian boleh dilaksanakan dengan lancar hanya sekiranya ada jaringan internet yang laju dan gajet yang baik. Perkara ini hanya kita dapati di kawasan bandar, bukan di kawa-

“

*kita perlu sikap saling mengenali, mempelajari, menghormati, menyayangi dan menerima antara satu sama lain tidak kira kita dari Semenanjung, Sabah atau Sarawak. Perlu bersikap rendah diri, tertib dan beradab.”*

san pedalaman lebih-lebih lagi di Sabah atau Sarawak.

Kita perlu ingat pendidikan adalah hak asasi manusia dan kunci kepada kemajuan sesebuah komuniti serta wilayah. Pendidikan prasekolah, sekolah seterusnya kolej dan universiti mesti diberi keutamaan. Untuk ke depan, kerajaan perlu beri perhatian serius dan keutamaan kepada kemajuan pendidikan di sana.

**Penggunaan istilah wilayah Sabah dan Sarawak akan meletakkan kedudukan kedua-dua wilayah itu setaraf dengan Semenanjung Malaysia. Istilah ini selaras dengan konteks penubuhan Malaysia yang menggabungkan tiga wilayah iaitu Semenanjung (Tanah Melayu), Sabah dan Sarawak. Apa pandangan Profesor mengenai perkara ini?**

Memang konsep pembentukan Persekutuan Malaysia ialah gabungan tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak (pada awalnya termasuk Singapura tetapi Singapura disingkirkan pada tahun 1965). Tapi untuk satu masa yang lama, konsep ini tidak jelas.

Pengertian untuk satu masa panjang ialah Malaysia terdiri daripada 13 negeri, 11 di Semenanjung, dua di Borneo iaitu Sabah dan Sarawak. Sedangkan sepatutnya tiga wilayah sahaja yang setaraf kedudukannya seperti termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Pada pengamatan saya, inilah kelemahan asas masa pembentukannya. Konsep federasi itu tidak jelas khasnya

berkaitan kedudukan negeri-negeri di Semenanjung serta wilayah Sabah dan Sarawak.

Daripada segi fakta sejarah, Suruhanjaya Cobbold membuat tinjauan untuk penentuan nasib bangsa sendiri hanya di Sabah dan Sarawak, tidak di Semenanjung seakan-akan rakyat Semenanjung dianggap bersetuju dengan hasrat bergabung dan tentang kesamaan taraf wilayah berkenaan.

Hal ini mungkin kerana pada masa itu tahun 1962-1963, Semenanjung Tanah Melayu sudah merdeka dan ada kerajaan yang dipilih melalui pilihan raya. Justeru dalam sistem demokrasi, kerajaan dianggap sebagai mewakili hasrat rakyat.

Sekarang kita sudah membentuk Persekutuan Malaysia selama 59 tahun. Hal lampau sudah menjadi sejarah. Tidak puas hati terhadap peninggalan sejarah atau *historical grievances* yang kerap dibicarakan sekarang tetap ada khususnya dalam kalangan rakyat Sabah dan Sarawak. Ini boleh dimengerti. Tetapi kita juga patut akui rasa tidak senang hati ini bukan sebelah pihak. Ia juga berlegar dalam kalangan rakyat Semenanjung.

Tetapi begitulah hakikat sebuah gabungan atau federasi terdiri dari wilayah berbeza. Kita gembira dan senang hati mengenai sejumlah perkara tetapi tidak puas hati dengan beberapa perkara lain. Tidak semua pihak akan berpuas hati mengenai semua perkara.

Apa yang penting ialah membentuk dan memperteguh kebersamaan. Gabungan tiga wilayah dalam sistem persekutuan ini bukan satu *zero sum game*; ia satu pendekatan sama-sama untung, sama-sama menang dengan syarat kita sama-sama berusaha menjayakannya.

Kita mesti mempunyai pengertian dan pendirian bahawa tiga wilayah ini sama taraf serta harus diterima dalam alam subjektif warganya lebih-lebih lagi mereka di Semenanjung. Rakyat kita perlu proses sosialisasi politik yang baru dan berterusan. Konsep sama taraf ini harus dimasyarakatkan supaya penerimaannya lebih luas dan tanpa ragu-ragu.

**Dasar Perpaduan Negara (DPN) dilancarkan sebagai satu langkah inter-**